

Media : Sinar Harian

Date : 12 Jun 2016

Kempen makan & hidup sihat Ajinomoto

AJINOMOTO (Malaysia) Berhad (AMB) bekerjasama dengan Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU) dan Rumah Warga Emas Victory, Puchong dalam menganjurkan kempen sepanjang setahun yang digelar *Eat Well, Live Well Dengan Umami*.

Program ini bertujuan memperbaiki proses penyediaan makanan, meningkatkan selera makanan, mengubahsuai dan mencipta resipi bagi warga emas supaya pemakanan yang seimbang terjamin. Ia sebahagian daripada inisiatif *Ajinomoto Shared Value (ASV)* dan cabang perkhidmatan komuniti IMU iaitu *IMU Cares*."

Program ini turut menangani masalah pengambilan garam yang berlebihan dalam pelbagai bentuk makanan, justeru mewujudkan kaedah yang lebih sihat dengan menggunakan Umami.

Pihak AMB dan pelajar IMU Cares yang memainkan peranan penting

sebagai pemimpin pendapat muda di barisan hadapan dalam bidang penjagaan kesihatan bersama mengambil langkah agar pengambilan sodium yang rendah diamalkan untuk merendahkan risiko masalah kesihatan yang berkaitan.

Kempen ini melibatkan pra-kajian mengenai golongan warga emas secara menyeluruh, pelan pelaksanaan yang terperinci serta pemantauan dan penilaian yang teliti.

Beberapa aktiviti dijalankan untuk menjayakan lagi kempen ini, misalnya pemeriksaan kesihatan, penjagaan kesihatan mulut, penilaian selera makan, pengenalan resipi sodium rendah serta kebersihan dapur dan latihan masakan untuk tukang masak.

Sebanyak 56 resipi -diubahsuai dan dicipta dengan aplikasi Umami untuk memastikan kandungan sodium yang rendah. Aktiviti-aktiviti lain termasuk senaman ringan dan hiburan.



Wajah ceria penghuni Rumah Warga Emas Victory, Puchong ketika menerima kunjungan.